

**UCAPAN OLEH ENCIK DESMOND LEE,  
MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA  
DAN MENTERI BERTANGGUNGJAWAB BAGI INTEGRASI KHIDMAT SOSIAL**

**DI MAJLIS PELANCARAN BULAN BAHASA 2023,  
SABTU, 2 SEPTEMBER 2023**

1. Selamat sejahtera diucapkan kepada anda semua. Terima kasih kepada Majlis Bahasa Melayu Singapura kerana mengundang saya ke Pelancaran Bulan Bahasa 2023. Saya sangat teruja dapat bersama anda pada malam ini. Saya difahamkan bahawa ini tahun ke-35 Bulan Bahasa dianjurkan.
2. Bulan Bahasa ialah satu usaha yang bermakna. Usaha ini terlahir daripada usaha masyarakat untuk seluruh masyarakat. Saya sentiasa rasa terdorong oleh masyarakat Melayu yang sangat sayang akan bahasa dan budaya mereka. Hal ini sangat jelas ketika saya menghadiri acara-acara Bulan Bahasa.
3. Bahasa ibunda membantu kita berkomunikasi, membentuk jati diri, dan mengukuhkan nilai sebagai anggota masyarakat dan warga negara.
4. Peribahasa dan pantun penting dalam bahasa Melayu. Nilai-nilai seperti adab, rendah hati dan kehidupan harmoni disampaikan melalui peribahasa dan pantun. Istilah “ada bahasa” mencerminkan pentingnya untuk beradab dan menghormati satu sama lain. Pada masa yang sama, ia juga bermakna seseorang itu menguasai bahasanya.
5. Ini menunjukkan bahasa Melayu bahasa yang versatil. Ia dinamik, kaya dan sinonim dengan warisan dan budaya Melayu.
6. Bulan Bahasa beruntung kerana mendapat sokongan baik daripada pelbagai rakan kerjasama. Saya teruja melihat begitu ramai belia meraikan bahasa Melayu bersama kita hari ini. Saya tabik usaha Majlis Bahasa Melayu Singapura dan

Jawatankuasa Bulan Bahasa dalam melantik Rakan Bahasa daripada usia yang muda. Duta Bahasa juga memainkan peranan untuk memperjuangkan bahasa Melayu sepanjang hayat mereka.

7. Dalam kesempatan ini, saya ingin menggalakkan semua orang untuk terus menggunakan bahasa Melayu dengan bermakna. Sertailah program-program yang disediakan, supaya anda dapat mengenal bahasa Melayu yang sangat indah dan kaya. Semoga pada masa hadapan, bahasa Melayu terus membangun, dan generasi mendatang akan terus mewarisi nilai-nilai yang kita sayangi.
8. Izinkan saya berpantun untuk mengakhiri ucapan saya:

*Segak jejak orang berbudi,*

*Bermain angklung di tengah kota;*

*Bahasa pusaka kekal abadi,*

*Terus disanjung belia kita.*

**SPEECH BY MR DESMOND LEE,  
MINISTER FOR NATIONAL DEVELOPMENT  
AND THE MINISTER-IN-CHARGE OF SOCIAL SERVICES INTEGRATION**

**AT THE OFFICIAL LAUNCH OF BULAN BAHASA 2023,  
ON SATURDAY, 2 SEPTEMBER 2023**

1. A very good evening to all of you. Thank you to Majlis Bahasa Melayu Singapura for inviting me to the Launch of Bulan Bahasa 2023. It is truly an honour to join you today as we celebrate the 35th edition of this signature festival.
2. Bulan Bahasa is indeed a meaningful effort which is led by the community for the community. I have always been inspired by the community's genuine love towards the Malay language and culture, and I see this especially whenever I attend Bulan Bahasa events.
3. Our mother tongues help us communicate, shape our cultural identity, anchor our values and build a sense of who we are in the community and nation.
4. The wisdom embedded in Malay proverbs and *pantun* emphasizes important values such as harmonious living, humility and courtesy. The Malay saying of "ada bahasa" embodies the essence of being courteous and respectful, while also signifying ownership of the language.
5. Such is the versatility of the Malay language. It is dynamic, rich and very much rooted to the heritage and culture of the Malay community.
6. Bulan Bahasa is fortunate to have the strong support of its partners and supporters. I am also encouraged to see so many youths celebrating the Malay language with us today. I commend Majlis Bahasa Melayu Singapura and the Bulan Bahasa Committee in cultivating Rakan Bahasa from young, and Duta Bahasa in their life-long role to champion the mother tongue.

7. As we launch Bulan Bahasa, I encourage everyone to partake in meaningful conversations, participate in workshops, and enjoy the beauty of the Malay language, to understand and appreciate the rich history and heritage of the Malay language. Together, we can forge a future where the Malay language thrives, and the values of the community are passed on to generations to come.
  
8. Let me present a pantun for this occasion:

The young man, charismatic and courteous is he,  
    Playing the angklung in the centre of the city;  
Our language is a heritage we hold dearly,  
    May our youths continue to treasure it closely.